

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 2 TAHUN 2005

PENETAPAN DUA TARIKH PROSES BAYARAN SECARA BERKELOMPOK BAGI SETIAP SEMESTER PENGAJIAN

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penetapan dua tarikh memproses bayaran pinjaman pendidikan secara berkelompok bagi setiap semester pengajian.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 PTPTN telah menyeragamkan kaedah pembayaran pinjaman pendidikan melalui Surat Pekeliling PTPTN Bilangan 1 Tahun 2004 bertajuk *Penyelarasan Urusan Memproses Permohonan Pinjaman Melalui Kaedah Berkelompok* yang berkuatkuasa mulai 16 April 2004. Berdasarkan perenggan 3.1(iv) Surat Pekeliling tersebut, kaedah bayaran pinjaman yang sebelumnya dibuat samada melalui institusi pengajian tinggi (IPT) atau terus ke akaun pelajar telah diselaraskan kepada bayaran terus ke akaun pelajar. Pembayaran untuk fee pengajian ke akaun IPT hanya akan dibuat sekiranya maklumat berkenaan dikemukakan ke PTPTN mengikut format yang ditetapkan dalam bentuk "softcopy" sebelum urusan pembayaran pinjaman kepada pelajar dilakukan.
- 2.2 Berdasarkan kaedah sedia ada, bayaran pinjaman kali pertama untuk pelajar yang baru diluluskan pinjaman akan dibuat dalam tempoh 14 hari selepas perjanjian yang sempurna dikembalikan kepada PTPTN. Bagi pembayaran seterusnya (samada untuk semester kedua atau selepasnya), PTPTN akan memproses pembayaran pinjaman sebaik sahaja menerima maklumat pengesahan status pengajian pelajar daripada IPT. Tempoh penyelesaian bayaran adalah antara 14 hari hingga 21 hari. PTPTN mendapati bahawa penerimaan maklumat pengesahan yang dibuat secara berterusan oleh IPT sepanjang semester pengajian telah meningkatkan bebanan kerja dan seterusnya melambatkan penyelesaian pembayaran ke akaun pelajar dan IPT.

3. PENETAPAN DUA TARIKH PROSES BAYARAN SECARA BERKELOMPOK

- 3.1 PTPTN akan melaksanakan kaedah pembayaran secara dua kelompok pada tarikh-tarikh yang ditentukan bagi setiap semester pengajian. Tarikh yang pertama ialah pada awal semester, sementara tarikh kedua ialah selewat-lewatnya sebulan sebelum semester tamat.
- 3.2 Melalui kaedah ini, PTPTN berharap IPT akan dapat memastikan maklumat sebahagian besar daripada pelajar yang patut mendapat pembayaran pinjaman (lulus dengan GPA 2.0 dan ke atas serta telah mendaftar untuk mengikuti pengajian semester berkaitan) dikemukakan pada bulan pertama semester bermula. Sementara pengesahan bagi pelajar yang tercicir atau tidak dapat dikemukakan pada tarikh yang pertama hendaklah dikemukakan pada tarikh kedua. Tempoh bayaran akan dikreditkan ke akaun pelajar sebagaimana peraturan sedia ada iaitu antara 14 hingga 21 hari daripada tarikh proses bayaran adalah dikemukakan. Pembayaran fee pengajian ke akaun IPT akan dibuat selepas urusan pengkreditan bayaran ke akaun pelajar diselesaikan tertakluk kepada maklumat mengenai fee pengajian diterima daripada IPT sebelum proses pembayaran dilaksanakan.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2005.

5. HEBAHAN

- 5.1 Kerjasama semua IPT dipohon untuk membuat hebahan yang bersesuaian bagi memastikan pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN mengetahui mengenai peraturan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' OTHMAN BIN JUSOH)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Tarikh: 27 Jun 2005